UUM / BASPA / HM / 01.09.2005 / P: 46 (1).

PELARI THAILAND ATASI SAINGAN

HM 1/9/05 46:1

LEBIH 3,000 peserta termasuk dari luar negara mengambil bahagian dalam Larian Ambang Merdeka, anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi (PUSUR) Universiti Utara Malaysia (UUM) di stadium universiti itu, semalam.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu tertutup untuk pelajar (lelaki dan wanita) UUM dan terbuka (lelaki dan wanita) bagi peserta luar.

Larian 10 km itu dilepaskan oleh Dekan (Pembangunan Pelajar) UUM, Dr. Ahmad Marthada Mohamed.

Pelari Thailand Mattika Rakkhappan muncul juara terbuka wanita sementara naib johan disandang Nitya dan ketiga, pelari Thailand, Nom Rakkhaphan.

Mattika dan Nom adalah dua beranak yang setiap tahun menyertai larian yang diperkenalkan pada 1996.

Kategori lelaki senior dimenangi Munianday Ramadass, kedua Tiruvatiran Vedivelu dan ketiga, Ruburn Ramasamy.

Manakala kategori pelajar UUM wanita menyaksikan Surimah Zainal muncul johan, kedua, Nur Fadzilah Hassan dan ketiga Siti Intan Baizura Mohd Sharif, semuanya dari Kolej PERWAJA.

Persaingan sengit juga berlaku dalam kategori pelajar UUM lelaki yang dimenangi Zeyadi Ginsos dari Kolej TNB, kedua, Prakash Karidana (MISC) dan ketiga, Mohd Azle Ab Aziz (Yayasan Al-Bukhary).

Pemenang pertama kategori tertutup UUM membawa pulang wang tunai RM300, kedua (RM250), ketiga (RM200) dan piala, hamper serta sijil penyertaan.

Juara kategori terbuka pula membawa pulang RM200, kedua (RM150), ketiga (RM100) dan piala, hamper serta sijil penyertaan

KENANGAN... Pemenang Larian Ambang Merdeka, anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi (PUSUR) Universiti Utara Malaysia (UUM) (dari kanan) Nom, Mattika, Nitya, Prakash, Zeyadi dan Muhd Azli bergambar bersama pingat masing-masing.